

D.R. 13/2017

**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KAWALAN
SEMPADAN MALAYSIA 2017**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA

3. Penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia
4. Fungsi Agensi

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA PERINGKAT TERTINGGI

5. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi
6. Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi
7. Fungsi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENYELARAS

8. Jawatankuasa Penyelaras
9. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras
10. Fungsi Jawatankuasa Penyelaras

*Rang Undang-Undang*BAHAGIAN V
PEGAWAI AGENSI*Fasal*

11. Pelantikan Komisioner Jeneral dan Timbalan Komisioner Jeneral Agensi
12. Pembatalan dan peletakan jawatan Komisioner Jeneral
13. Pelantikan pegawai lain Agensi
14. Kuasa pegawai Agensi
15. Perakuan pelantikan

BAHAGIAN VI

AM

16. Pakaian seragam dan kelengkapan
17. Pakaian seragam dan kelengkapan hendaklah dikembalikan apabila berhenti menjadi pegawai Agensi
18. Penyamaran
19. Pangkat pegawai Agensi
20. Pendakwaan
21. Obligasi kerahsiaan
22. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
23. Pekhidmat awam
24. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
25. Perintah Tetap
26. Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada diketahui
27. Keterangan ejen provokasi boleh diterima
28. Peraturan-peraturan

BAHAGIAN VII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

29. Jawatankuasa yang sedia ada
30. Unit Pencegahan Penyeludupan yang sedia ada

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang dan bagi perkara yang berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Agensi” ertinya Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Entiti Kerajaan” termasuklah—

(a) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga atau majlis bagi Kerajaan Persekutuan, atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri, yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya;

(b) mana-mana pihak berkuasa tempatan; dan

(c) pasukan keselamatan;

“Jawatankuasa Peringkat Tertinggi” ertinya Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang ditubuhkan di bawah subseksyen 5(1);

“Jawatankuasa Penyelaras” ertinya Jawatankuasa Penyelaras Agensi yang ditubuhkan di bawah subseksyen 8(1);

“Komisioner Jeneral” ertinya Komisioner Jeneral Agensi yang dilantik di bawah subseksyen 11(1);

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“pegawai Agensi” termasuklah Komisioner Jeneral dan Timbalan-timbalan Komisioner Jeneral yang dilantik di bawah seksyen 11, dan mana-mana pegawai Agensi yang dilantik di bawah subseksyen 13(1);

“sempadan darat Malaysia” ertinya sempadan darat antara Malaysia dengan Thailand, Malaysia dengan Indonesia, dan Malaysia dengan Brunei.

BAHAGIAN II

AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA

Penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia

3. (1) Suatu agensi dengan nama “Agensi Kawalan Sempadan Malaysia” ditubuhkan.

(2) Agensi hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, digunakan khidmatnya di sempadan darat Malaysia bagi mengawal apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia.

Fungsi Agensi

4. Agensi hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menjalankan kawalan sempadan darat Malaysia;
- (b) untuk membuat syor mengenai perkara yang berhubungan dengan keselamatan sempadan darat Malaysia atau bagi perkara yang diperuntukkan di bawah Akta ini kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi dan Jawatankuasa Penyelaras;
- (c) untuk menerima apa-apa laporan bagi pelakuan suatu kesalahan berhubung dengan kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia;
- (d) untuk mencegah dan menyekat pelakuan suatu kesalahan berhubung dengan kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia;
- (e) untuk menyelaras pelaksanaan penguatkuasaan oleh Agensi dengan agensi lain di sempadan darat Malaysia;
- (f) untuk memantau apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia;
- (g) untuk merumus dasar dan program untuk mencegah apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia; dan

- (h) secara amnya untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan sempadan darat Malaysia atau melakukan segala perkara yang bersampingan dengan fungsinya.

BAHAGIAN III

JAWATANKUASA PERINGKAT TERTINGGI

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi

5. (1) Suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi Agensi ditubuhkan bagi maksud Akta ini.

(2) Jawatankuasa Peringkat Tertinggi hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri sebagai Pengerusi;
- (b) Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
- (c) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- (d) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- (e) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan;
- (f) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perusahaan perladangan dan komoditi;
- (g) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan dan kebudayaan;
- (h) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan;
- (i) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertanian dan industri asas tani;
- (j) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri;

- (k) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber asli dan alam sekitar;
- (l) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;
- (m) Panglima Angkatan Tentera;
- (n) Ketua Polis Negara;
- (o) Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara;
- (p) Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (q) Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia;
- (r) Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan; dan
- (s) Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi

6. (1) Jawatankuasa Peringkat Tertinggi hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu.

(2) Tujuh orang anggota, termasuk Pengerusi, hendaklah membentuk kuorum suatu mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi.

(3) Jawatankuasa Peringkat Tertinggi boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Jawatankuasa Peringkat Tertinggi untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Jawatankuasa Peringkat Tertinggi mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(4) Agensi boleh melantik dalam kalangan pegawai Agensi untuk menjadi urus setia bagi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi.

Fungsi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi

7. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi hendaklah menimbang teliti dan memutuskan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelaras dan Agensi atau apa-apa perkara yang berhubungan dengan keselamatan sempadan darat Malaysia.

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENYELARAS

Jawatankuasa Penyelaras

8. (1) Suatu Jawatankuasa Penyelaras ditubuhkan bagi maksud Akta ini.

(2) Jawatankuasa Penyelaras hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri sebagai Pengerusi;
- (b) Komisioner Jeneral;
- (c) Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara;
- (d) Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (e) Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia;
- (f) Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Semenanjung Malaysia;
- (g) Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian;
- (h) Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia;
- (i) Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan;
- (j) Ketua Pesuruhjaya Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA);
- (k) Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan;
- (l) Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara;
- (m) Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia;
- (n) Pengarah Jabatan Pengurusan, Polis Diraja Malaysia;
- (o) Ketua Pegawai Polis bagi Negeri Kedah;
- (p) Ketua Pegawai Polis bagi Negeri Perak;
- (q) Ketua Pegawai Polis bagi Negeri Sabah;

- (r) Ketua Pegawai Polis bagi Negeri Sarawak;
- (s) Ketua Pegawai Polis bagi Negeri Kelantan;
- (t) Ketua Pegawai Polis bagi Negeri Perlis;
- (u) wakil daripada Kementerian Kewangan; dan
- (v) wakil daripada Kementerian Pertahanan.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras

9. (1) Jawatankuasa Penyelaras hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu.

(2) Tujuh orang anggota, termasuk Pengerusi, hendaklah membentuk kuorum suatu mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras.

(3) Jawatankuasa Penyelaras boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Jawatankuasa Penyelaras untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Jawatankuasa Penyelaras mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(4) Agensi boleh melantik mana-mana pegawai dalam kalangan pegawai Agensi untuk menjadi urus setia bagi Jawatankuasa Penyelaras.

Fungsi Jawatankuasa Penyelaras

10. (1) Jawatankuasa Penyelaras hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menyelaras pelaksanaan Akta ini;
- (b) untuk membuat syor mengenai perkara yang berhubungan dengan keselamatan sempadan darat Malaysia atau bagi perkara yang diperuntukkan di bawah Akta ini kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi;
- (c) melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Peringkat Tertinggi;
- (d) merumus dasar dan program untuk mencegah apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia;

- (e) memantau apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia dan mendapatkan maklum balas daripada agensi Kerajaan dan organisasi yang berkaitan;
- (f) memperakukan syor yang dibuat oleh Agensi kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi;
- (g) mempertimbangkan langkah-langkah bagi mengawal apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia;
- (h) bekerjasama dan menyelaraskan dengan agensi Kerajaan dan organisasi antarabangsa mengenai apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia; dan
- (i) melaksanakan apa-apa fungsi lain bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.

(2) Jawatankuasa Penyelarasan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Jawatankuasa Penyelarasan untuk membantu Jawatankuasa Penyelarasan dalam menjalankan fungsinya.

BAHAGIAN V

PEGAWAI AGENSI

Pelantikan Komisioner Jeneral dan Timbalan Komisioner Jeneral Agensi

11. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seseorang dalam kalangan pegawai awam untuk menjadi Komisioner Jeneral Agensi bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan orang itu layak untuk dilantik semula bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dianggap perlu oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Menteri hendaklah melantik Timbalan-timbalan Komisioner Jeneral Agensi dalam kalangan pegawai awam bagi suatu tempoh yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Menteri bagi maksud menjalankan dan menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(3) Komisioner Jeneral hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi dan Jawatankuasa Penyelaras bagi arahan, perintah, kawalan dan pengawasan bagi segala perkara yang berhubungan dengan Agensi.

(4) Komisioner Jeneral boleh, bagi menguatkuasakan sepenuhnya mana-mana peruntukan Akta ini atau bagi pelaksanaan lebih mudah peruntukan Akta ini, mengeluarkan apa-apa arahan, perintah atau keputusan sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Komisioner Jeneral.

Pembatalan dan peletakan jawatan Komisioner Jeneral

12. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Komisioner Jeneral yang dilantik di bawah subseksyen 11(1).

(2) Komisioner Jeneral boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pelantikan pegawai lain Agensi

13. (1) Menteri hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai Agensi dalam kalangan pegawai awam sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini seperti yang berikut:

- (a) pegawai polis sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Polis 1967 [*Akta 344*];
- (b) pegawai kastam sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];
- (c) pegawai imigresen sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*];
- (d) pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 [*Akta 638*];

- (e) pegawai Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 [*Akta 692*]; dan
- (f) mana-mana pegawai awam lain sebagaimana yang difikirkan perlu.

(2) Pelantikan pegawai lain Agensi di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi suatu tempoh yang difikirkan suai manfaat oleh Menteri.

(3) Seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) adalah tertakluk kepada arahan, perintah, kawalan dan pengawasan Komisioner Jeneral atau mana-mana pegawai lain Agensi yang lebih tinggi pangkatnya daripada pegawai itu, dan hendaklah menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya dengan mematuhi apa-apa arahan, perintah atau kawalan yang dinyatakan secara lisan atau bertulis oleh Komisioner Jeneral atau mana-mana pegawai lain Agensi yang lebih tinggi pangkatnya daripada pegawai itu.

Kuasa pegawai Agensi

14. Bagi maksud Akta ini—

- (a) seseorang pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini; dan
- (b) seseorang pegawai Agensi hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai penjaga balai polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan bagi maksud itu pejabat pegawai itu hendaklah disifatkan sebagai balai polis.

Perakuan pelantikan

15. Suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad kuasa hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap pegawai Agensi yang dilantik di bawah Akta ini dan kad itu hendaklah ditandatangani oleh Komisioner Jeneral dan hendaklah menjadi keterangan prima facie pelantikan itu di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI

AM

Pakaian seragam dan kelengkapan

16. Seorang pegawai Agensi hendaklah dibekalkan dengan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan dan hendaklah memakai apa-apa lencana pangkat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pakaian seragam dan kelengkapan hendaklah dikembalikan apabila berhenti menjadi pegawai Agensi

17. (1) Apabila seorang pegawai Agensi berhenti menjadi pegawai Agensi dia hendaklah, dalam masa empat belas hari, mengembalikan kepada orang yang dilantik oleh Komisioner Jeneral bagi maksud itu pakaian seragam dan kelengkapannya yang dibekalkan kepadanya.

(2) Seorang pegawai Agensi yang, setelah berhenti menjadi pegawai Agensi, tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan, sebagai tambahan, boleh dikehendaki membayar nilai harta yang tidak dikembalikan itu, dan nilai itu akan ditentukan oleh mahkamah secara penghakiman terus dan boleh didapatkan kembali sebagai suatu denda.

Penyamaran

18. Mana-mana orang yang bukan seorang pegawai Agensi yang—

- (a) berpura-pura menjadi seorang pegawai Agensi dengan menyedari bahawa dia bukan sedemikian;
- (b) secara salah menyamar sebagai seorang pegawai Agensi; atau
- (c) atas sifat yang dibuat-buat itu melakukan atau cuba untuk melakukan apa-apa perbuatan atas alasan menjadi seorang pegawai Agensi,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Pangkat pegawai Agensi

19. (1) Pangkat pegawai Agensi adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

Pendakwaan

20. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh, atau dengan keizinan bertulis, Pendakwa Raya.

Obligasi kerahsiaan

21. (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Agensi—

- (a) tiada seorang pun pegawai Agensi atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Agensi, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi atau Jawatankuasa Penyelaras, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperoleh olehnya semasa menjalankan kewajipannya; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang dengan apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Agensi boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

22. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Agensi, mana-mana jawatankuasa, mana-mana pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa, atau kakitangan Entiti Kerajaan lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat Awam

23. Tiap-tiap pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa atau kakitangan Entiti Kerajaan lain semasa menunaikan kewajibannya atau melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini atas sifat yang sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

24. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Agensi, mana-mana jawatankuasa, mana-mana pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa, atau kakitangan Entiti Kerajaan lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.

Perintah Tetap

25. Komisioner Jeneral boleh mengeluarkan perintah pentadbiran yang disebut “Perintah Tetap”, yang selaras dengan peruntukan Akta ini, tentang kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai Agensi, dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik Agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas, dan pada amnya untuk memastikan Agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada diketahui

26. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada diketahuinya pemberi maklumat itu, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dihapuskan setakat mana yang perlu sahaja untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta, mahkamah, selepas siasatan penuh atas kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak percaya sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya antara pihak-pihak terhadap prosiding itu tanpa diketahui pemberi maklumat itu, mahkamah boleh menghendaki supaya ditunjukkan pengaduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya tentang pemberi maklumat itu.

Keterangan ejen provokasi boleh diterima

27. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, tiada ejen provokasi boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah cuba melakukan atau bersubahat, atau telah bersubahat atau terlibat dalam konspirasi jenayah untuk melakukan kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu adalah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, suatu sabitan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana ejen provokasi tidaklah menjadi tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah gagal untuk menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan keterangan sedemikian.

Peraturan-peraturan

28. Menteri boleh membuat apa-apa peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberi kesan sepenuhnya kepada atau bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN VII

KECUALIAN DAN PERALIHAN

Jawatankuasa yang sedia ada

29. Semua jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Arahan No. 15 Majlis Keselamatan Negara dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, terus berkuat kuasa sehingga dibubarkan menurut seksyen 44 Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [*Akta 776*].

Unit Pencegahan Penyeludupan yang sedia ada

30. (1) Apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tindakan yang diambil sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini oleh Unit Pencegahan Penyeludupan yang sedia ada yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah disifatkan telah dilakukan atau diambil oleh Agensi di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa arahan, perintah atau keputusan yang dibuat oleh Unit Pencegahan Penyeludupan yang sedia ada dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, setakat yang ia selaras dengan Akta ini, terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan oleh Agensi.

JADUAL

[Seksyen 19]

PANGKAT PEGAWAI AGENSI

Komisioner Jeneral
Timbalan Komisioner Jeneral
Komisioner
Timbalan Komisioner
Penguasa
Timbalan Penguasa
Penolong Penguasa
Inspektor
Sub-Inspektor
Sarjan Mejar
Sarjan
Koperal
Lans Koperal
Konstabel

HURAIAN

Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia yang akan digunakan khidmatnya bagi mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia dan fungsinya.
6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Agensi.

BAHAGIAN III

8. Bahagian III Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi, mesyuarat dan fungsinya.
9. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi.
10. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi.
11. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan fungsi Jawatankuasa Peringkat Tertinggi untuk menimbang teliti dan memutuskan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelaras dan Agensi atau perkara yang berhubungan dengan keselamatan sempadan darat Malaysia.

BAHAGIAN IV

12. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras, mesyuarat dan fungsinya.
13. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Penyelaras.
14. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras.
15. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi Jawatankuasa Penyelaras dan bagi maksud itu, Jawatankuasa Penyelaras mempunyai kuasa untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Jawatankuasa Penyelaras untuk membantu Jawatankuasa Penyelaras menjalankan fungsinya.

BAHAGIAN V

16. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan Komisioner Jeneral, Timbalan-timbalan Komisioner Jeneral, pembatalan dan peletakan jawatan Komisioner Jeneral, pelantikan pegawai lain Agensi dan kuasa pegawai Agensi.

17. *Fasal 11* bertujuan untuk memberi Yang di-Pertuan Agong kuasa untuk melantik Komisioner Jeneral, dan Menteri untuk melantik Timbalan Komisioner Jeneral dalam kalangan pegawai awam.

18. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembatalan dan peletakan jawatan Komisioner Jeneral.

19. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai lain Agensi untuk melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan ini. Pegawai lain Agensi hendaklah dilantik dalam kalangan pegawai awam termasuk pegawai polis, pegawai kastam, pegawai imigresen, pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan, pegawai Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dan mana-mana pegawai awam lain yang difikirkan suai manfaat oleh Menteri. *Fasal* ini juga mengenakan kewajipan ke atas pegawai lain Agensi untuk tertakluk kepada arahan, perintah, kawalan dan pengawasan Komisioner Jeneral atau mana-mana pegawai lain Agensi yang lebih tinggi pangkat daripadanya.

20. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai Agensi.

21. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perakuan pelantikan yang dikeluarkan dalam bentuk kad kuasa kepada pegawai Agensi.

BAHAGIAN VI

22. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan peruntukan am.

23. *Fasal 16* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pakaian seragam dan kelengkapan dan *fasal 17* mengenakan kewajipan ke atas pegawai Agensi untuk mengembalikan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan apabila dia berhenti menjadi pegawai Agensi.

24. *Fasal 18* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan penyamaran.

25. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pangkat pegawai Agensi dan memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

26. *Fasal 20* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi memulakan pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

27. *Fasal 21* bertujuan untuk memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kewajipan mengekalkan kerahsiaan.

28. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan Agensi, mana-mana jawatankuasa, mana-mana pegawai Agensi, anggota jawatankuasa, atau kakitangan Entiti Kerajaan lain berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

29. *Fasal 23* menyatakan bahawa pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa atau kakitangan Entiti Kerajaan lain disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

30. *Fasal 24* bertujuan untuk memberikan perlindungan yang diperuntukkan dalam *Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948* [*Akta 198*] terhadap apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding kepada Agensi, jawatankuasa, pegawai Agensi atau anggota jawatankuasa, atau kakitangan Entiti Kerajaan lain.

31. *Fasal 25* bertujuan untuk memberi Komisioner Jeneral kuasa untuk mengeluarkan perintah pentadbiran yang disebut “Perintah Tetap”, yang selaras dengan peruntukan *Akta* ini, tentang kawalan am, latihan, tugas dan tanggungjawab pegawai Agensi dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat untuk pentadbiran baik Agensi atau bagi mencegah penyalahgunaan kuasa atau pengabaian tugas dan pada amnya untuk memastikan Agensi berfungsi dengan cekap dan berkesan.

32. *Fasal 26* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pemberi maklumat di bawah *Akta* yang dicadangkan dan *fasal 27* memperkatakan keterangan ejen provokasi yang boleh diterima.

33. *Fasal 28* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah *Akta* yang dicadangkan.

BAHAGIAN VII

34. Bahagian VII *Akta* yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubung dengan peruntukan kecualian dan peralihan.

35. *Fasal 29* dan *30* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan berhubung dengan jawatankuasa dan Unit Pencegahan Penyeludupan yang sedia ada yang ditubuhkan masing-masing di bawah Arahan No. 15 Majlis Keselamatan Negara dan oleh Kerajaan Persekutuan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3046]